

TAKLIMAT AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) 2016 [AKTA 775] SERTA KEWAJIPAN PENGAMAL BERDAFTAR

PERMOHONAN PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) DALAM BIDANG AMALAN DIKTIRAF DENGAN MAJLIS PT&K BERMULA DARI 15 MAC 2021

Pendaftaran Hanya Dibuka untuk Pengamal PT&K dalam Bidang Amalan Diiktiraf SAHAJA iaitu:

- 1. Perubatan Tradisional Melayu (PTM)**
- 2. Perubatan Tradisional Cina (PTC)**
- 3. Perubatan Tradisional India (PTI)**
- 4. Homeopati**
- 5. Osteopati**
- 6. Kiropraktik**
- 7. Amalan Pengubatan Islam**

Garis Panduan Pendaftaran dan Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui laman web Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) di <http://tcm.moh.gov.my>.

KURSUS PEMBANGUNAN KAPASITI (KPK)

HANYA UNTUK PENGAMAL PT&K BERUMUR KURANG DARIPADA 50 TAHUN DAN TIDAK MEMPUYAI KELAYAKAN YANG DIKTIRAF NAMUN MEMPUYAI TEMPOH PENGALAMAN MENGAMAL SEPERTI YANG DITETAPKAN OLEH MAJLIS PT&K IAITU GOLONGAN GRANDFATHERING DALAM BIDANG AMALAN DIKTIRAF SEPERTI YANG BERIKUT IAITU PTM, PTC, PTI DAN HOMEOPATI SAHAJA.

KEHADIRAN KE KPK DENGAN JAYANYA ADALAH SALAH SATU KRITERIA PENDAFTARAN YANG PERLU DIPENUHI OLEH SEBILANGAN PENGAMAL YANG DIKENAL PASTI DALAM TEMPOH PERALIHAN IAITU DARI 1 MAC 2021 HINGGA 29 FEBRUARI 2024.

HANYA PENGAMAL YANG TELAH MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN KEPADA MAJLIS PT&K DAN TELAH MENERIMA SURAT DARIPADA CAWANGAN MAJLIS PT&K UNTUK MENGHADIRI KPK PERLU HADIR KE KPK.

PENGAMAL YANG PERLU HADIR KE KPK BOLEH BERHUBUNG TERUS DENGAN PUSAT LATIHAN KPK YANG DILULUSKAN MAJLIS PT&K BAGI URUSAN PENDAFTARAN KPK.

SENARAI PUSAT LATIHAN KPK YANG DILULUSKAN OLEH MAJLIS PT&K BOLEH DIDAPATI DI LAMAN WEB BPTK IAITU [HTTP://TCM.MOH.GOV.MY](http://TCM.MOH.GOV.MY).

PANDUAN UNTUK MENYERTAI TAKLIMAT AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) 2016 [AKTA 775] SERTA KEWAJIPAN PENGAMAL BERDAFTAR


Kehadiran ke Taklimat Akta PT&K 2016 serta Kewajipan Pengamal Berdaftar dengan jayanya merupakan salah satu kriteria pendaftaran pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf dengan Majlis PT&K yang perlu dipenuhi oleh pengamal PT&K. Kegagalan pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf untuk menghadiri taklimat ini akan menyebabkan proses permohonan pendaftaran pengamal tidak lengkap dan tidak akan diproses.

Taklimat ini dianjurkan oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Penyertaan ke taklimat ini adalah PERCUMA dan tiada bayaran dikenakan kepada para peserta.

Taklimat ini akan diadakan secara maya dengan menggunakan aplikasi Google Meet.


Agenda Taklimat Akta PT&K 2016 serta Kewajipan Pengamal Berdaftar

Bil.	Agenda	Anggaran Masa
1	Sesi Perkongsian Kaji Selidik Berkenaan PT&K	20 min
2	Penerangan Berkenaan Pendaftaran Pengamal di Bawah Akta PT&K 2016	5 min
3	Taklimat Akta PT&K 2016 serta Kewajipan Pengamal Berdaftar	30 min
4	Pengisian Borang Maklum Balas Dan Borang Soal Selidik Taklimat	30 min
5	Sesi Soal Jawab	45 min
	Jumlah	2 jam 30 min




Maklumat Penting Untuk Semua Peserta/ Pemohon Taklimat Akta PT&K 2016 serta Kewajipan Pengamal Berdaftar


1. Perhatian kepada semua pemohon, Taklimat Akta hanya untuk **PESERTA BAHARU YANG MEMOHON BUAT PERTAMA KALI SAHAJA**. Sekiranya anda pernah mengikuti Taklimat Akta sebelum ini, anda tidak perlu lagi memohon untuk hadir ke taklimat ini sekali lagi dan permohonan anda akan ditolak tanpa sebarang notis pemberitahuan dihantar kepada anda




2. Permohonan untuk mengikuti sesi taklimat ini adalah melalui pendaftaran secara maya melalui laman web Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari di <http://tcm.moh.gov.my>. Permohonan melalui telefon dan walk in tidak akan dilayan




3. Sesi taklimat dijalankan dalam dua sesi yang berbeza iaitu sesi pagi dan sesi petang. **Peserta hanya boleh memilih dan mendaftar untuk mengikuti salah satu sesi taklimat sahaja**




4. Jika peserta tidak hadir pada tarikh yang telah diberikan, peserta perlu membuat permohonan baharu untuk sesi taklimat yang akan datang




5. Tempat untuk sesi taklimat adalah terhad. Sebarang permohonan pertukaran tarikh atau sesi tidak akan dilayan. Penyertaan adalah berdasarkan *first come first served*



6. Sila tepati masa. Peserta perlu log masuk ke aplikasi Google Meet **15 minit** sebelum taklimat dimulakan. Kegagalan peserta berbuat demikian akan dianggap sebagai **Tidak Hadir**



7. Sila pastikan segala maklumat diri yang diisi seperti nama penuh, nombor kad pengenalan/ pasport dan lain-lain maklumat yang dikehendaki adalah tepat ketika mengisi borang pendaftaran/ borang maklum balas dan borang soal selidik. Kegagalan atau kesilapan yang berlaku adalah tanggungjawab peserta



8. Setiap peserta perlu mempunyai **akaun Gmail peribadi sendiri** untuk digunakan bagi pendaftaran dan penyertaan sesi Taklimat Akta. Sekiranya tiada, peserta perlu **mewujudkan akaun Gmail peribadi** yang baharu terlebih dahulu dengan membuat pendaftaran kepada Gmail

Maklumat Penting Untuk Semua Peserta/ Pemohon Taklimat Akta PT&K 2016 serta Kewajipan Pengamal Berdaftar (sambungan)

9. Satu akaun Google dan aplikasi Meet hanya untuk seorang pemohon/ peserta sahaja dan tidak boleh berkongsi dengan peserta yang lain

10. Setiap peserta perlu menggunakan **akaun Gmail peribadi masing-masing dan tidak berkongsi akaun Gmail yang sama dengan peserta lain**. Perkongsian akaun Gmail dengan peserta yang lain adalah tidak dibenarkan dan permohonan anda untuk mengikuti sesi Taklimat Akta akan terbatal. **Pastikan anda menggunakan akaun Gmail peribadi dan bukan akaun Gmail rasmi**

11. Semua peserta perlu memastikan **nombor telefon dan alamat e-mel yang diberikan adalah aktif dan boleh digunakan**. Ini kerana sekiranya terdapat sebarang masalah, ia akan memudahkan pihak urus setia untuk berhubung dengan peserta

12. Sila pastikan *inbox* e-mel anda tidak penuh. Ini adalah untuk mengelakkan e-mel yang dihantar gagal diterima oleh peserta. Selain itu, peserta juga disarankan untuk turut menyemak *folder spam* atau *junk* e-mel anda untuk memastikan anda telah menerima e-mel dan pautan daripada pihak urus setia sekiranya tiada di dalam *inbox* e-mel

13. Peserta diminta untuk memberikan **sempurna perhatian** ketika sesi taklimat disampaikan dan memohon untuk **menyahkan bunyi atau mute ketika taklimat disampaikan**. Kegagalan peserta berbuat demikian atau jika ada sebarang gangguan daripada peserta boleh menyebabkan peserta akan dikeluarkan daripada platform taklimat ini

14. Semua peserta **diwajibkan untuk mengisi Borang Maklum Balas dan Borang Soal Selidik diakhir sesi Taklimat**. Kegagalan anda berbuat demikian adalah dianggap tidak lengkap dan gagal hadir

15. Peserta juga dinasihatkan untuk menggunakan peranti seperti **komputer, komputer riba atau tablet** ketika mengikuti sesi taklimat ini kerana penggunaan peranti telefon pintar akan menyebabkan gangguan kepada sesi taklimat peserta sekiranya terdapat panggilan masuk ketika itu dan peserta secara langsung akan terkeluar dari sesi taklimat tersebut

KAEDAH UNTUK MENYERTAI TAKLIMAT AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) 2016 SERTA KEWAJIPAN PENGAMAL BERDAFTAR MENGGUNAKAN GOOGLE MEET

1. Para peserta akan menerima jemputan untuk menyertai sesi taklimat ini melalui **e-mel Gmail** yang digunakan ketika pendaftaran

2. Apabila peserta telah menerima jemputan untuk menyertai taklimat ini, kaedah untuk menyertai taklimat ini dengan menggunakan aplikasi **Google Meet** adalah seperti yang berikut:

(i) Melalui pelayar iaitu **Google Chrome** versi terbaharu – klik pada **Google Apps** dan kemudian klik pada **aplikasi Meet**.

(ii) Setelah itu, masukkan **pautan yang diberikan melalui e-mel** dan tekan "Masuk".

(iii) Pastikan nama anda yang didaftarkan di **Google Account** adalah **nama anda yang sebenar** mengikut nama yang tertera di dalam **kad pengenalan** atau **pasport**. Ini adalah untuk memudahkan pihak urus setia untuk mengesahkan kehadiran anda pada sesi taklimat tersebut. Sekiranya anda tidak menggunakan nama sebenar seperti yang tertera di dalam kad pengenalan atau pasport, anda tidak akan dibenarkan (dimasukkan) untuk menyertai sesi taklimat tersebut.

3. Anda boleh masuk ke sesi taklimat ini **15 minit** sebelum ia bermula. Pautan akan dihantar ke e-mel **2 hari** sebelum sesi taklimat

Cara Mengisi Borang Maklum Balas dan Borang Soal Selidik

1. Apabila Host memberikan pautan **Borang Maklum Balas** dan **Borang Soal Selidik**, klik pautan yang diberikan atau menyalin pautan ke pelayar **Google Chrome**

2. Kemudian isi borang maklum balas tersebut dan pada bahagian akhir borang, sila **klik butang submit**. Pengesahan **Thank you for your participation** akan dipaparkan bermaksud borang anda telah berjaya dihantar

3. Setelah itu, ulangi proses yang sama untuk borang soal selidik

*** KEGAGALAN UNTUK MENGISI DAN MENGHANTAR BORANG MAKLUM BALAS DAN BORANG SOAL SELIDIK INI AKAN MENYEBABKAN PESERTA DIANGGAP TIDAK HADIR KE TAKLIMAT TERSEBUT.**